

LAMPIRAN PEMBERITAHUAN PRODUK



Pelanggan yang dihormati,

Lampiran Pemberitahuan Produk ini memberikan maklumat penting mengenai insurans kebakaran anda.

Liberty General Insurance Berhad
197801007153 (44191-P)

Pelanggan lain telah membaca Lampiran Pemberitahuan Produk ini dan mendapati ia bermanfaat; anda juga patut membacanya.

Tarikh: 12/2025

1 Apakah BizOne Plus?

BizOne Plus melindungi harta anda daripada kerugian atau kerosakan disebabkan oleh kebakaran, kilat, petir, letupan akibat daripada gas yang digunakan untuk tujuan domestik atau mana-mana peril yang dinyatakan dalam polisi insurans. Polisi ini direka khusus untuk pemilik perniagaan SMI/SME dengan manfaat/perlindungan yang tidak terdapat dalam Polisi Kebakaran Bertarif konvensional. Selain perlindungan peril pilihan yang lazim, ia turut merangkumi manfaat tambahan yang memberikan bayaran sekaligus bagi tuntutan sah untuk membantu pemilik bangunan pulih daripada kejadian yang tidak dijangka. Berikut ialah ciri dan manfaat unik BizOne Plus tanpa kos tambahan.

Manfaat - Manfaat	Jumlah Diinsuranskan kurang/ sama dengan RM7,000,000	Jumlah Diinsuranskan lebih daripada RM7,000,000
1. InstalmentGuard	RM5,000	RM10,000
2. BizEmergency Cash	RM5,000	RM10,000
3. Elaun Kesulitan Banjir dan/atau Mendapan Tanah & Tanah Runtuh	RM5,000	RM10,000
4. Elaun Kejadian Tidak Dijangka	RM10,000	
5. Diskaun Pembaharuan Tanpa Tuntutan	10%	

2 Ketahui Perlindungan Anda

Sebagai ilustrasi, dengan pembayaran **RM1,146.88** [setahun] anda akan menerima **perlindungan** insurans berikut dengan Jumlah Diinsuranskan sebanyak **RM500,000** jika harta anda didiami sebagai Barang Dagangan Am dan Klasifikasi Pembinaan Bangunan C1A:

Polisi ini melindungi:	Polisi ini tidak melindungi:
<ul style="list-style-type: none">Kebakaran, Kilat dan letupan domestik (perlindungan minimum standard)6 peril terpilih:<ul style="list-style-type: none">Letupan (bukan domestik)Rusuhan, Mogok dan Kerosakan Berniat JahatPecah atau Melimpah tangki air domestik / septik / kumbahan, peralatan atau paipKerosakan akibat hentaman (Impact Damage)Ribut dan Taufan (Storm and Tempest)Kebakaran semak / LalangManfaat BizOne Plus mengikut kategori Jumlah Diinsuranskan	<ul style="list-style-type: none">Kerugian atau kerosakan akibat peperangan, keganasan, pencemaran radioaktif dan dentuman sonik.Kerugian akibat kecurian semasa atau selepas berlakunya kebakaran.Kerugian atau kerosakan kepada barangan yang dipegang secara amanah atau secara komisen, melainkan dinyatakan secara khusus dalam polisi.

Dengan pembayaran premium **tambahan**, anda boleh memperluaskan perlindungan untuk merangkumi:

<ul style="list-style-type: none">Kerugian atau Kerosakan yang disebabkan oleh Pesawat UdaraBanjirGempa Bumi dan Letusan Gunung BerapiKebocoran Pemancut air (pada bangunan/ kandungannya)Kerosakan dari asap	<ul style="list-style-type: none">Pemasangan ElektrikPembakaran SpontanMendapan Tanah dan Tanah RuntuhKerosakan oleh Pokok yang Tumbang atau Dedahan dan objek yang jatuh
---	--

Nota: Senarai ini **tidak lengkap**. Sila rujuk kontrak polisi untuk melihat keseluruhan maklumat polisi ini.

Tempoh perlindungan adalah 1 tahun. Anda perlu memperbaharui polisi anda setiap tahun.

Liberty General Insurance Berhad adalah ahli PIDM. Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah polisi yang layak ini adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Liberty General Insurance Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

Liberty General Insurance Berhad dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan atau memerlukan bantuan berkaitan perlindungan insurans anda, anda boleh:



Hubungi kami di
1 800 88 8121



Layari kami di
www.libertyinsurance.com.my



Emel kami di
customer@libertyinsurance.com.my



Imbas kod
QR di atas

3 Ketahui Kewajipan Anda

Untuk insurans ini berdasarkan ilustrasi, anda mesti membayar premium berikut:	
Perlindungan Asas	RM901.88 (setahun)
(+) Perlindungan Tambahan	RM245.00 (setahun) Perlindungan tambahan: berdasarkan pada 6 perils terpilih
Premium Kasar	RM1,146.88 (setahun)
Anda juga perlu membayar yuran dan caj berikut:	
(+) 8% Cukai Perkhidmatan	RM91.75
(+) Duti Setem	RM10.00
Jumlah Premium Perlu Dibayar	RM1,248.63 (setahun)
Di mana ini termasuk:	
Komisen	15% daripada Premium Kasar atau RM172.03
Nota:	
<ul style="list-style-type: none"> Ini adalah ilustrasi. Jumlah premium yang perlu anda bayar mungkin berbeza bergantung pada perlindungan polisi anda, tahap pendedahan risiko, serta kriteria pengunderaitan Liberty General Insurance Berhad. Kadar Cukai Perkhidmatan adalah tertakluk kepada kadar semasa yang dikenakan oleh Kerajaan Malaysia. Polisi ini tertakluk kepada premium minimum RM75.00 	

4 Terma-Terma Utama Lain

<ul style="list-style-type: none"> Kewajipan pendedahan: Anda mesti mendedahkan semua fakta material yang diketahui atau patut diketahui, yang akan menjejaskan pertimbangan pengunderaitan kami terhadap cadangan anda, seperti insurans dan sejarah kerugian anda. Anda mesti mendedahkan semua fakta yang relevan dengan jujur dan lengkap dalam borang permohonan insurans anda. Perubahan Risiko: Anda mesti memaklumkan kepada kami tentang sebarang perubahan material sepanjang tempoh polisi. Ini bagi memastikan pindaan yang diperlukan boleh dibuat dan didokumenkan dalam polisi insurans anda. Kepentingan insurans: Anda mesti mempunyai kepentingan yang boleh diinsuranskan dalam harta benda yang diinsuranskan. Ini bermaksud anda akan mengalami kerugian kewangan jika harta benda tersebut hilang atau rosak. Jumlah Diinsuranskan: Anda mesti memastikan harta benda anda diinsuranskan pada jumlah yang sesuai dengan mengambil kira pengubahsuaian yang dibuat. Jumlah diinsuranskan hendaklah dipantau dan disemak secara berkala untuk memastikan ia mewakili kos penuh membina semula atau nilai penuh harta benda anda bagi mengelakkan insurans tidak mencukupi. Jika tidak, anda perlu menanggung bahagian kerugian secara berkadar sekiranya harta benda yang diinsuranskan mempunyai nilai yang lebih tinggi daripada jumlah diinsuranskan pada masa kerugian. Anda boleh menggunakan Kalkulator Kos Bangunan https://bcc.piam.org.my/ sebagai rujukan. Lebihan: Jumlah kerugian yang perlu anda tanggung sebelum kami menanggung kerugian anda. Premium: Jumlah premium perlu dibayar dan diterima oleh Liberty General Insurance Berhad dalam tempoh 60 hari dari tarikh bermulanya polisi ini. Kegagalan membayar premium tersebut pada tempoh masa yang ditetapkan akan menyebabkan pembatalan kontrak serta-merta dan kami berhak ke atas jumlah pro-rata premium sepanjang tempoh anda di dalam risiko. Tuntutan: Anda mesti memaklumkan kami segera tentang sebarang tuntutan dan mengambil langkah yang munasabah untuk meminimumkan kerugian atau kerosakan. Definisi Manfaat BizOne Plus: <ul style="list-style-type: none"> InstalmentGuard: Sekiranya berlaku kerugian, bayaran sekaligus kepada pemegang polisi bagi memenuhi komitmen bayaran ansuran mereka kepada bank sekiranya harta yang diinsuranskan mengalami kerugian atau kerosakan separa akibat yang disebabkan oleh peril yang diinsuranskan. BizEmergency Cash: Sekiranya harta yang diinsuranskan (bangunan) rosak akibat bahaya yang diinsuranskan sehingga menyebabkan kerugian sepenuhnya, sejumlah bayaran sekaligus akan dibayar sementara tuntutan sedang dinilai oleh pegawai tuntutan kami. Elaun Kesulitan Banjir dan/atau Mendapan Tanah & Tanah Runtuh: Bagi apa-apa kerugian atau kerosakan material pada bangunan yang diinsuranskan yang disebabkan oleh mana-mana peril tersebut, liabiliti polisi adalah bergantung kepada sama ada anda telah memilih dan membayar perlindungan berkenaan. Walau bagaimanapun, tanpa mengira sama ada peril tersebut diperluaskan atau tidak, anda masih layak untuk menuntut elaun kesulitan ini. Ia merupakan manfaat token untuk menampung sebarang kerugian kewangan/kos pembersihan yang mungkin anda tanggung sekiranya bangunan yang diinsuranskan mengalami kejadian banjir atau insiden berkaitan Mendapan Tanah/Tanah Runtuh. Elaun ini tidak mencukupi dan tidak bertujuan untuk menampung kos pembaikan sebenar; manfaat ini hanya dibayar sekali sahaja sepanjang Tempoh Insurans. Elaun Kejadian Tidak Dijangka: Manfaat ini bertujuan memberikan bantuan tunai kepada pemegang polisi apabila berlaku peristiwa tertentu yang ditakrifkan, seperti kecurian semasa atau selepas berlakunya kebakaran; gempa bumi; dan/atau kebakaran semak/belukar lalang. Diskaun Pembaharuan Tanpa Tuntutan: Sekiranya anda memperbaharui polisi anda bersama kami dan tiada sebarang tuntutan ditanggung atau dilaporkan dalam tempoh polisi, diskaun akan diberikan semasa pembaharuan polisi BizOne Plus. Walau bagaimanapun, bagi polisi yang diperbaharui lebih awal tetapi tuntutan kemudiannya dibuat/dilaporkan kepada kami sebelum tarikh tamat tempoh polisi, Syarikat berhak untuk mendapatkan semula diskaun tersebut daripada pemegang polisi; tanpa mengira sama ada tuntutan itu diterima atau tidak.
Nota: Senarai ini tidak lengkap . Anda digalakkan untuk merujuk polisi untuk senarai penuh terma dan syarat.

? Bolehkah saya batalkan polisi saya?

- Ya. Anda boleh membatalkan polisi anda pada bila-bila masa dengan notis bertulis kepada kami. Sewaktu pembatalan anda layak untuk mendapat sebahagian bayaran balik premium.
- Tiada bayaran balik premium jika premium minimum dibayar atau tuntutan telah dibuat ke atas polisi.
- Untuk maklumat sepenuhnya mengenai bayaran balik pembatalan, sila rujuk kepada kontrak polisi.